

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	: BERITA HARIAN	MUKA SURAT	: 20
TARIKH	: 20/12/2019		
JABATAN	: JPS		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Keadaan bah di empat negeri semakin pulih

Mangsa di PPS

Kelantan, Johor, Pahang, Terengganu berkurangan

Oleh Mohd Zulfitri Zainuddin, Mohd Aizat Shamsuddin dan Mohd Fahmi Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keadaan banjir semakin pulih di Kelantan, Johor, Pahang dan Terengganu, apabila jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) berkurangan, setakat petang semalam.

Di Kelantan, banjir di negeri ini beransur pulih apabila bilangan mangsa semakin berkurangan kepada 2,076 orang, setakat

jam 5 petang berbanding 3,431 orang pada waktu pagi.

Semua mangsa daripada 644 keluarga itu ditempatkan di 23 PPS Tanah Merah, Machang, Jeli dan Pasir Mas.

Berdasarkan aplikasi info bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), walaupun bilangan mangsa banjir berkurangan, namun mangsa di Pasir Mas terus bertambah kepada 1,298 orang daripada 445 keluarga di sembilan PPS.

Bagaimanapun, mangsa banjir di Tanah Merah, Jeli dan Machang semakin berkurangan. Tanah Merah merekodkan 500 mangsa daripada 121 keluarga dipindahkan di 11 PPS, manakala Jeli pula mencatatkan 278 orang daripada 78 keluarga ditempatkan di tiga PPS.

Di Johor, bilangan mangsa banjir di negeri ini turun mendadak

kepada 1,314 selepas 20 PPS ditutup berikutan keadaan cuaca yang baik sepanjang hari.

Di daerah Mersing menyaksikan keadaan banjir pulih sepenuhnya, selepas lapan PPS yang diaktifkan setakat pagi semalam, sudah ditutup semuanya sehingga jam 6 petang semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Keselamatan Bandar dan Alam Sekitar Johor, Tan Chen Choon, berkata empat lagi daerah yang terjejas turut menyaksikan penurunan bilangan mangsa yang ketara.

Katanya, daerah Segamat menyaksikan berlaku sedikit peningkatan, iaitu seramai 562 mangsa daripada 129 keluarga, berbanding 543 orang membabitkan 124 keluarga pada jam 4 petang semalam.

"Segamat mencatatkan PPS terbanyak masih dibuka, iaitu 13,

dikuti Kluang, Kota Tinggi dan Batu Pahat, iaitu masing-masing tiga, manakala dua lagi di Pontian," katanya, dalam kenyataannya.

Di Pahang pula, hanya 386 mangsa daripada 105 keluarga di Pahang, yang masih berada di empat setakat 6 petang semalam.

Berbanding pagi semalam, seramai 1,145 mangsa daripada 308 keluarga berada di lapan PPS yang membabitkan tiga daerah iaitu Temerloh, Bera dan Rompin.

Sementara itu, cuaca baik menyaksikan banjir yang melanda di Hulu Terengganu pulih sepenuhnya dan mangsa yang ditempatkan di PPS Dewan Felcra Gunung Menorong ditutup sejak tengah hari, semalam.

Sehingga jam 5 petang, hanya satu PPS yang dibuka di Dungun iaitu di Dewan Orang Ramai Kampong Minda yang menempatkan 38 mangsa membabitkan 13 keluarga.

INFO BANJIR

PAHANG

Jumlah mangsa: 386
Jumlah PPS: 4

- Rompin
- 1 PPS / 226 mangsa
- Bera
- 2 PPS / 9 mangsa
- Temerloh
- 2 PPS / 351 mangsa

JOHOR

Jumlah mangsa: 1,314
Jumlah PPS: 327

- Segamat
- 13 PPS / 562 mangsa
- Kota Tinggi
- 3 PPS / 295 mangsa
- Kluang
- 3 PPS / 217 mangsa
- Pontian
- 2 PPS / 146 mangsa
- Batu Pahat
- 3 PPS / 94 mangsa

KELANTAN

Jumlah mangsa - 2,076
Jumlah PPS - 23

- Pasir Mas
- 1,298 / 9 PPS
- Tanah Merah
- 500 mangsa / 11 PPS
- Jeli
- 278 mangsa / 3 PPS

TERENGGANU

Jumlah mangsa (Dungun)
38 / 1 PPS